

Gadis diserang dengan pisau hanya kerana enggan keluar bersama

# Tikam bekas kekasih sampai parah

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**

**MELAKA** – Hanya kerana ajakan untuk keluar bersama ditolak, seorang lelaki tergamak menikam bekas teman wanitanya dengan sebilah pisau dalam kejadian di kaki lima Jalan Tun Sri Lanang, di sini kelmarin.

Dalam kejadian pada pukul 6.20 petang itu, mangsa yang berusia 23 tahun cedera parah di tangan.

Rakan wanita itu berusia 25 tahun yang berada di lokasi kejadian turut cedera di telinga.

Suspek dan mangsa dikatakan sudah berpisah kira-kira dua minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisiner Christopher Patit berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian berdarah itu pada pukul 6.26 petang.

“Sebaik anggota polis tiba di lokasi, suspek sudah melarikan diri dan terdapat dua wanita mengalami kecederaan. Mereka dikejarkan ke Hospital Melaka

untuk mendapatkan rawatan.

“Hasil soal siasat, salah seorang mangsa mendakwa suspek yang berusia 22 tahun adalah bekas teman lelakinya.

“Mangsa diserang menggunakan pisau kerana dia enggan keluar bersama dengan lelaki itu selepas hubungannya berakHIR dua minggu lalu,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut beliau, ketika kejadian, mangsa cuba mempertahankan dirinya dengan menggunakan tangan sebelum terkena tikaman pada anggota tersebut dan rebah.

Rakan wanita itu cuba membantu, tetapi dia turut mengalami kecederaan.

Suspek kemudian beredar dengan sebuah kereta.

“Gambar suspek telah diperoleh dan usaha mengesan lelaki itu sedang giat dijalankan Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Melaka Tengah,” katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksamaan kerana dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah.



**Di Hospital Melaka inilah mangsa mendapatkan rawatan selepas diserang bekas teman lelakinya dengan sebilah pisau di kaki lima di Jalan Tun Sri Lanang, Melaka kelmarin.**